

22 MAR 2001

Mahkamah-Penggiliran (Bergambar)

3 AHLI PERNIAGAAN CABAR PELANTIKAN CHONG SEBAGAI KETUA MENTERI BARU

KOTA KINABALU, 22 Mac (Bernama) -- Tiga ahli perniagaan hari ini memohon injunksi di Mahkamah Tinggi di sini, hari ini, untuk menghalang Yang Dipertua Negeri Sabah Tun Sakaran Dandai daripada melantik Datuk Chong Kah Kiat sebagai Ketua Menteri baru.

Plaintif-plaintif itu -- Kaiman Buangan, Abdul Rajik Arin dan Ismail Jamlang semuanya dari Kota Belud -- yang menamakan Sakaran sebagai defenden pertama dan Chong sebagai defenden kedua, memfailkan permohonan ex parte melalui Messrs Datuk James Ghani @ Co.

Dalam afidavit mereka, plaintif atas kapasiti sebagai rakyat Malaysia mahukan injunksi interim sementara menunggu perbicaraan menentukan kesahihan pelantikan Chong di bawah sistem penggiliran itu.

Kesemua ahli perniagaan itu juga memohon injunksi untuk menghalang Chong daripada dilantik dan mengangkat sumpah di hadapan Yang Dipertua Negeri sebagai Ketua Menteri baru atas alasan yang sama.

"Memandangkan kes ini perlu disegerakan, kami juga memohon bagi sijil penyegeraan supaya permohonan boleh didengar secepat mungkin," kata James apabila ditemui di luar mahkamah.

Mereka berhujah yang pelantikan Chong, presiden Parti Demokratik Liberal (LDP) ke jawatan Ketua Menteri oleh defenden pertama adalah tidak sah dan salah di sisi undang-undang.

Bahagian 1 Fasal 6 (3) Perlembagaan Negeri Sabah menyatakan bahawa pelantikan Ketua Menteri harus dilakukan oleh Yang Dipertua Negeri Sabah.

Mereka mendakwa yang pada Jumaat lepas (16 Mac) Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memaklumkan melalui media massa yang penggiliran jawatan Ketua Menteri itu akan dikekalkan dengan sedikit perubahan dan defenden kedua akan mengambil alih jawatan itu daripada Ketua Menteri sekarang Datuk Osu Sukam.

Ahli-ahli perniagaan itu berpendapat pelantikan itu tidak selaras dengan Fasal 6 (7) Perlembagaan Negeri yang menyatakan Ketua Menteri yang dilantik itu mestilah ketua parti politik dan menganggotai Dewan Undangan Negeri serta mendapat keyakinan majoriti anggota dewan itu.

Dalam kes ini, plaintif-plaintif mendakwa parti politik defenden kedua, LDP, tidak memenangi majoriti kerusi dalam pilihan raya negeri lepas pada 1999.

"Kami berhujah yang Barisan Nasional (BN) bukan parti politik tunggal," kata mereka.

Dalam sokongan kepada permohonan untuk menentukan kesahihan pelantikan itu, mereka berhujah yang sistem penggiliran Ketua Menteri, penggal dua tahun bagi jawatan Ketua Menteri dan syarat Ketua Menteri itu mesti daripada salah satu daripada tiga masyarakat iaitu Islam, Bukan Islam dan Cina tidak tertera dalam perlembagaan negeri.

Itu bermakna pelantikan Ketua Menteri di bawah sistem penggiliran itu tidak sah dan bercanggah dengan peraturan yang ada, menurut plaintif lagi.

Oleh sebab itu, pelantikan ketua-ketua Menteri sebelum ini -- Datuk Yong Teck Lee dan Tan Sri Bernard Dompok di bawah sistem penggiliran itu juga bercanggah dengan perlembagaan negeri dan oleh itu semua tindakan pentadbiran mereka, fungsi dan keputusan yang dibuat adalah tidak sah dan terbatal.

Mahkamah Tinggi belum memutuskan tarikh untuk mendengar kedua-dua permohonan itu.

-- BERNAMA

NT PR